

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSOLOR UniMAP**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP EMYIS 2011**  
**2 OKTOBER 2011**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UniMAP)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi UniMAP)

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP,

Yang Berbahagia Encik Razli Ahmad, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Penolong-Penolong Naib Canselor, Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan,

Mahasiswa-mahasiswi UniMAP, wakil-wakil media dan para penaja seterusnya hadirin yang dirahmati Allah Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya, program khusus untuk penyelidik muda UniMAP iaitu EYReC-MINDS Young Investor Show (EMYIS 2011) ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah buat semua jawatankuasa yang terlibat dalam memastikan program yang julung kali dianjurkan ini mendapat sambutan yang menggalakkan.

Saya difahamkan, hampir 100 penyertaan diterima daripada penyelidik-penyelidik muda UniMAP dan besarlah harapan saya agar penyertaan-penyertaan ini mampu diketengahkan untuk dipertandingkan di peringkat kebangsaan dan Antarabangsa kelak. Insyallah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sektor pengajian tinggi merupakan faktor kritikal dalam mentransformasi negara melalui sumbangan pengeluaran modal insan yang berkualiti. Dan untuk membina modal insan - intelektual, kreatif dan inovatif - bukanlah mudah. Satu daripada langkahnya ialah mewujudkan iklim yang kondusif untuk

pembangunan insan bersepadu di pelbagai peringkat seperti sekolah, universiti dan institusi belia.

Inilah apa yang kita lakukan di UniMAP. Saya percaya program 7-i Pillars yang diwajibkan ke atas semua pelajar UniMAP sebagai syarat bergraduasi merupakan satu pendekatan terbaik untuk melahirkan generasi graduan UniMAP yang berkualiti dan mampu menyumbang kepada pembangunan Negara. Insya Allah.

Elemen “i” yang membawa erti inovasi menjelaskan betapa pentingnya sesebuah universiti membudayakan aspek penyelidikan dan inovasi bukan sahaja di kalangan staf malah pelajar-pelajarnya.

Bagi UniMAP pula, sebagai sebuah universiti yang berteraskan kejuruteraan, sememangnya tidak dapat lari dari bidang penyelidikan. Maka atas sebab itulah, UniMAP (di peringkat dalaman) menganjurkan pertandingan khusus untuk memilih produk penyelidikan terbaik setiap tahun untuk diketengahkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa baik bagi kategori pelajar mahupun staf.

Dan menerusi EMYIS ini, besarlah harapan UniMAP untuk melahirkan pelajar yang berkeupayaan mempamerkan idea kreatif dan inovatif dalam bidang penyelidikan dan inovasi menerusi

penghasilan produk yang dipertandingkan dan pada masa sama mempraktikkan ilmu pengetahuan yang dimiliki.

Secara tidak langsung, pertandingan ini juga merupakan medium terbaik untuk mengasah aspek komunikasi pelajar melalui kebolehan membuat pembentangan, menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan produk yang dihasilkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Kumpulan penyelidik muda di bawah label EYReC bukanlah satu nama asing di UniMAP. Di bawah pengawasan Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah kumpulan penyelidik ini turut diiktiraf sebahagian cabang penyelidik Malaysia Invention & Design Society (MINDS) oleh Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr Augustine S H Ong menerusi satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai Mei lalu.

EYReC telah membuktikan komitmen jitu mereka dalam membangunkan aspek teknologi dan penyelidikan di kalangan generasi muda melalui penganjuran i-ENVEX pada bulan April lalu dengan penyertaan memberansangkan termasuk dari negara-negara luar.

Selain kejayaan penganjuran, penyelidik muda ini juga turut didedahkan dengan pelbagai pertandingan peringkat tempatan dan

antarabangsa yang mana pada bulan Disember lalu, kumpulan penyelidik muda ini berjaya membolot enam pingat emas dan satu pingat gangsa serta empat anugerah khas pada pertandingan penyelidik muda dan pameran antarabangsa kali-7 (7th IEYI 2020) di Hanoi, Vietnam.

Terbaru pada PECIPTA 2011 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre minggu lalu, 7 produk yang dipertandingkan bagi kategori junior atau pelajar mencatatkan kejayaan 100 peratus.

Sekalung tahniah buat Anis Nabila Mohd. Zahanorin yang meraih pingat emas tunggal kategori pelajar dengan hasil penyelidikannya Green Composite. Tahniah juga buat Mohd. Azizi Ab. Malik yang meraih pingat perak melalui produknya Snatch Guard : An Innovative And Cost Performance Solution For Crime Prevention.

Manakala empat lagi produk meraih pingat gangsa hasil penyelidikan Siti Nur Hazwani Mohamad Rodzi, Asyraf Hakimi Abu Bakar, Nor Afiqah Azmi dan Aina Syafiqah Rusli.

Semoga kecemerlangan penyelidik muda ini akan diteruskan lagi dalam pertandingan lain yang akan disertai selepas ini.

Akhir kata terimalah serangkap pantun dari saya :

**Pipit tak mungkin setanding helang,  
Tak mungkin juga jadi setara,  
Mahasiswa inovasi, kreatif dan gemilang,  
Modal intelektual tonggak negara.**

Sekian Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.